

Kembara UMP bersama dengan **artis, media**

beza kerana diadakan di destinasi pelancongan berbanding menimba pengalaman mendalam kehidupan

masyarakat luar bandar yang lazim dilaksa sebelum ini.

"Namun, ia lebih seronok apabila peserta berpeluang menyertai acara larian bersama-sama pelancong bagi memeriahkan aktiviti promosi Tahun

Melawat Malaysia. Tiga pelajar antarabangsa UMP dari Reutlingen University, Jerman turut menjayakan program ini," katanya.

Pelaksanaan aktiviti khidmat masyarakat itu program kerjasama keempat UMP dengan Pahang Fm dan mendapat sokongan Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser bersempena kempen Tahun Melawat Malaysia tahun ini.

Majlis perasmian program disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Datuk Dr Yuserrie Zainuddin yang turut melancarkan arca tanda UMP di Bukit Fraser.



FAKTA NOMBOR

60
warga

UMP dan Media Radio Pahang FM menyertai Program Kembara Pahang Fm

Warga UMP dan Media Radio Pahang FM bergambar kenangan dengan komuniti Bukit Fraser bersempena Program Kembara Pahang Fm bersama dengan UMP di Bukit Fraser, Raub.

Raub: Universiti Malaysia Pahang (UMP) mengambil pendekatan berbeza dalam penganjuran kegiatan khidmat masyarakat apabila memilih destinasi pelancongan, Bukit Fraser sebagai lokasi Program Kembara Pahang Fm bersama dengan UMP, di sini, baru-baru ini.

Pengarah program, Muhammad Nazmi Ahmad Kamil, 21, berkata lebih 60 warga UMP dan Media Radio Pahang FM men-

jayakan program dua hari itu dengan menumpukan kepada empat segmen utama iaitu kanak-kanak, remaja, masyarakat dan pendidikan.

Katanya, pelajar berpeluang mendekati masyarakat menerusi pelbagai aktiviti termasuk ceramah agama bertajuk 'Aqidah Landasan ke Syurga' yang disampaikan oleh Ustaz As-Sayyid Faez Al-Aydrus, mini golf, memanah dan sukan rakyat.

Beliau berkata, kemotivasi untuk pelajar sekolah, pertandingan melukis serta persembahan hiburan bersama-sama Kombo RTM Pahang yang menampilkan penyanyi, Haziq dan Haiza, turut memeriahkan program.

Destinasi pelancongan

"Program kali ini ber-

